



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

38  
Hari

01  
Jam

10  
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

# Dos vaksin tiba dari Singapura tepat jam 2 petang

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Februari 21, 2021 @ 2:53pm  
[farid\\_noh@bh.com.my](mailto:farid_noh@bh.com.my)

Dos vaksin tiba dari Singapura tepat jam 2 petang



JOHOR BAHRU: Sebahagian daripada dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech dibawa masuk dari Singapura, selamat tiba ke negeri ini tepat jam 2 petang tadi.

Tinjauan BH di kawasan Tambak Johor, di sini, sejak jam 1 tengah hari tadi mendapati lori penyimpanan khas yang membawa dos vaksin itu sudah bersedia di tengah tambak berkenaan.

Kenderaan yang membawa Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba kemudian dilihat tiba jam 1.35 tengah hari di Tambak Johor bagi menyambut ketibaan dos vaksin terbabit.

Penyerahan ringkas dilakukan wakil syarikat vaksin di tengah tambak itu kepada kerajaan Malaysia yang diwakili Dr Adham dan Hasni.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 18m [49,472 calon duduki SPM di 336 pusat peperiksaan esok](#)
- 35m [Kelas peperiksaan SPM disanitasi](#)
- 38m [20,000 ketua isi rumah B40 di Perak bakal terima telefon pintar](#)
- 46m [Sarawak buka pendaftaran vaksinasi COVID-19](#)
- 51m [73,710 dos vaksin Pfizer-BioNTech dibawa masuk ke Johor](#)
- 52m [KPM keluarkan garis panduan pengurusan buka semula sekolah, kawalan murid](#)
- 59m [Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan](#)
- 1h [Calon SPM positif COVID-19 di Kelantan tidak duduki peperiksaan](#)

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Vaksin Pfizer diserahkan kepada Malaysia](#)
- [Picagari khas untuk suntikan vaksin](#)

## **Pfizer-BioNTech**

- **KKM sedia laksana imunisasi vaksin fasa pertama sebaik bekalan tiba**
- **Polis sedia pasukan pengiring awasi pergerakan vaksin COVID-19**

Mereka turut dilihat melambai-lambai ke arah pengamal media yang menunggu sejak jam 12.30 tengah hari di R&F Princess Cove yang terletak berhadapan Tambak Johor di sini.

Lori penyimpanan khas itu dilihat meninggalkan Tambak Johor tepat jam 2 petang dengan diiringi konvoi polis yang mengawal ketat kenderaan berkenaan.

Pagi tadi, sejumlah 312,390 dos vaksin berkenaan tiba di negara ini dan dilaporkan di hantar ke 16 pusat simpanan vaksin di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata sejumlah vaksin juga dijangka tiba di Johor dari Singapura pada jam 2 petang menggunakan laluan darat.

Malaysia menerima secara rasmi bekalan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech selepas pesawat Airbus 330-300 Malaysia Airlines MH604 yang membawanya mendarat di KLIA, kira-kira jam 10 pagi.

Majlis simbolik penyerahan dan penerimaan bekalan vaksin itu disempurnakan Dr Adham dan Dr Noor Hisham, yang membuka kotak penyimpanan vaksin Pfizer-BioNTech sebaik ditempatkan di pusat simpanan sementara di KLIA.

Sebelum itu, vaksin Pfizer-BioNTech diturunkan dari pesawat, kemudian dibawa ke pusat penyimpanan sementara bagi tujuan diedar ke fasiliti kesihatan milik KKM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara.

Perjalanan vaksin bermula dari kilang Pfizer di Belgium semalam, diuruskan sendiri oleh Pfizer dan DHL Express melalui perjanjian di peringkat global.

Vaksin itu kemudian berlepas dari Puurs, Belgium dan transit di Leipzig Halle Airport, sebelum meneruskan perjalanan ke Singapura untuk pengedaran ke negara-negara Asia Pasifik lain, termasuk Malaysia.

## **TRENDING**



**NASIONAL** sejam yang lepas

**Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan**



**SELEBRITI** sejam yang lepas

**Acha belum bersara**



**NASIONAL** 2 jam yang lepas

**Dos vaksin tiba dari Singapura tepat jam 2 petang**



**NASIONAL** 3 jam yang lepas

**Vaksin Pfizer dihantar ke 16 pusat simpanan vaksin**



**WILAYAH** 4 jam yang lepas

**'Jangan pisahkan kami'**



Lori syarikat logistik DHL yang membawa vaksin COVID-19 Pfizer Bio-NTech dari

## BERITA BERKAITAN



**NASIONAL** 3 jam yang lepas

**Vaksin Pfizer dihantar ke 16 pusat simpanan vaksin**



**NASIONAL** sejam yang lepas

**73,710 dos vaksin Pfizer-BioNTech dibawa masuk ke Johor**



**NASIONAL** 6 jam yang lepas

**Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air**



**NASIONAL** Feb 5, 2021 @ 7:28pm

**COVID-19: Malaysia terima vaksin Pfizer-BioNTech seminggu awal**

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home  Outbrain |



**Azezah Drop Shoulder Blouse - Brown Paisley**

Fabric - polyblend, unlined. Sleeves -... Poplook

[Shop now](#)

**Sell your car in 24 hours, instant payment, no paperwork.**

Stay at home and we'll do the rest... Carsome Malaysia

[Book Now](#)



**Surgeon: Nerve Pain? Simple Method Fights Neuropathy**

Health Headlines 360

[Watch More](#)



**Ho Chi Minh City might disappear under water**

CNA - Insight

[Watch More](#)



**Beachfront House With Two-Story Pool Sets Local Record in Dana...**

Mansion Global



**Need A New Income Stream? Do This Immediately...**

Ace Success Academy

[Learn More](#)



**This Is the Home Solution to Nail Fungus That Will Amaze You**

Fungus Therapy Pro



**Bayar 2 kali kurang untuk elektrik dengan alat sihir ini!**

PowerFactorSaver



**BERITA**

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

**SUKAN**

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

**MULTIMEDIA**

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

**LANGGAN**

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

**PERKHIDMATAN**

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)